

HENTIKAN JENAYAH KECAM BADAN!

Oleh: Nur Syamila Syasya binti Che Omar, 1171819,
Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Disiarkan pada 28 July 2020



Kecam badan merupakan perbuatan yang sering berlaku dalam kalangan masyarakat sama ada di Malaysia atau di luar negara.

Perbuatan ini juga adalah satu jenayah. Pelaku kecam badan atau perbuatan menghina rupa fizikal seseorang di mana-mana perkhidmatan aplikasi boleh didakwa di bawah Seksyen 233 (1) (b), Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588).

Jika didapati bersalah, individu yang melakukan kesalahan ini boleh didenda tidak melebihi RM50,000 atau penjara tidak lebih setahun atau kedua-duanya sekali.

Tidak dinafikan bahawa sesetengah anggota masyarakat suka mengkritik bentuk badan dan paras rupa orang lain sama ada secara sengaja atau sekadar bergurau.

Namun, mereka tidak sedar bahawa perbuatan tersebut telah menyinggung perasaan dan menjatuhkan maruah seseorang.

Seperti yang dijelaskan dalam surah al-Hujurat ayat 11 tentang larangan menghina orang lain, Allah SWT berfirman yang bermaksud, *“Dan jangan pula sekumpulan perempuan merendahkan kumpulan lainnya, boleh jadi yang direndahkan itu lebih baik.”*

Perbuatan kecam badan yang semakin menular sekarang tidak hanya berlaku secara percakapan sahaja tetapi juga melalui platform media sosial.

Menurut Kementerian Kesihatan, mangsa yang mengalami kecam badan berkemungkinan besar mengalami stres dan gangguan emosi, hilang keyakinan diri, kecelaruan pemakanan, kemurungan malah ada yang terjebak dalam gejala bunuh diri.

Kita dapat melihat banyak kesan negatif yang boleh membahayakan mangsa akibat perbuatan kecam badan oleh segelintir individu yang tidak memikirkan tentang sensitiviti orang lain.

Salah satu kejadian yang pernah berlaku melibatkan seorang wanita yang bekerja di sebuah restoran makanan segera menjadi mangsa kecam badan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

Gambar mangsa telah diambil dan dimuat naik dalam kumpulan WhatsApp dan seterusnya dijadikan bahan ejekan dan hinaan kerana mempunyai tubuh badan yang besar.

Kesan daripada perbuatan kecam badan itu, mangsa mengalami kemurungan, stres dan gangguan emosi akibat dimalukan.



Maka, setiap individu yang mengalami perkara ini perlulah mengabaikan pandangan orang lain dan memupuk sikap mencintai diri sendiri untuk meningkatkan keyakinan.

Beljarlah untuk mencintai diri sendiri dan bersyukurlah dengan segala perkara yang dianugerahkan oleh Allah SWT.

Nescaya individu itu tidak akan terkesan dengan kritikan orang lain terhadap bentuk badannya kerana yakin dengan segala yang Allah SWT berikan kepada setiap hamba-Nya mempunyai kebaikan dan hikmah tersendiri.

Perkara ini dapat diperjelaskan melalui firman Allah SWT dalam Surah at-Tin, ayat 4 yang bermaksud: *“Sesungguhnya Kami menciptakan manusia itu sebaik-baik kejadian.”*

Fitrah manusia memang suka dengan kecantikan dan kesempurnaan tetapi itu tidak bermakna mereka bebas menghina dan mengejek orang lain yang tidak mempunyai kesempurnaan bentuk tubuh badan atau paras rupa yang cantik.

Sehubungan itu, individu yang menjadi mangsa kecam badan seharusnya tidak mempedulikan kata-kata negatif daripada mereka yang suka menjatuhkan maruah dan merendahkan keyakinan diri seseorang.

Setiap anggota masyarakat perlulah peka dalam menjaga percakapan dan tutur kata agar tidak menyakiti orang lain.

Ketahuiilah bahawa setiap perkataan yang keluar dari mulut atau ditulis oleh jari sebenarnya mencerminkan tahap akhlak individu itu sendiri.